



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

RINGKASAN EKSEKUTIF
PELAN STRATEGIK
2016-2026

MENERAJUI DINAMIKA METROPOLIS

www.mbpj.gov.my

Isi Kandungan



1.0	Pengenalan	1
2.0	Matlamat dan Strategi	2
3.0	Teras Utama, Objektif Strategik dan Fasa Pelaksanaan	3
4.0	Teras dan KPI MBPJ, 2016-2026	4
5.0	Cadangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), MBPJ 2016-2026	5
6.0	Kerangka Strategik Keseluruhan, MBPJ 2016-2026	7
7.0	Pemetaan Pelan Strategik dan KPI 2016-2026, MBPJ	9
8.0	Teras, Sasaran Strategik dan Program Keutamaan 2016-2018	13
9.0	Profil, Pemilik Proses, dan Jangkaan Hasil Program Keutamaan	15
10.0	Memandang ke hadapan:	19
11.0	MBPJ dan Pihak Berkepentingan (Stakeholders)	19
12.0	Penutup	20
APPENDIKS 1:	Struktur Tadbir Urus MBPJ	20
APPENDIKS 2:	Pencapaian Pelan Strategik, 2010 - 2015	20
APPENDIKS 3:	Sorotan Inisiatif Strategik	20
APPENDIKS 4:	Local Agenda 21 (LA21)	20
APPENDIKS 5:	Pelan Tindakan 'Luar Biasa': Keutamaan & Sasaran	20
APPENDIKS 6:	Kerangka 'Bandaraya Lestari'	20
APPENDIKS 7:	Glosari	20
	Senarai Rujukan	21
	Penghargaan	21

Isi Kandungan



Rajah 1: Empat Teras Strategik MBPJ, 2016-2026	1
Rajah 2: Ilustrasi & Pemetaan Model Perancangan Strategik MBPJ	1
Rajah 3: Teras Strategik dan Cadangan KPI MBPJ 2016-2026	4
Rajah 4: Transformasi ICT & Sistem Penyampaian Perkhidmatan	15
Rajah 5: Pengurusan Risiko & Persepsi	15
Rajah 6: Advokasi Awam & Tambatan Hati	15
Rajah 7: “3K”, Latihan dan Pembangunan & Prestasi Warga Staf	15
Rajah 8: Kolaborasi Strategik & Bestari	16
Rajah 9: Transformasi ICT & Sistem Penyampaian Perkhidmatan	16
Rajah 10: Pembelaan Komuniti, Kebajikan Masyarakat & Sukan, Seni dan Budaya	16
Rajah 11: Keselamatan, Prasarana & Keselamatan Masyarakat	17
Rajah 12: Perubahan Iklim, Agenda Hijau & “3R”	17
Rajah 13: Pengurusan Kejut Kewangan	17
Rajah 14: Ekonomi Berimbang & Kebijakan Model Bisnes	17
Rajah 15: Pelaburan & Penjanaaan Kekayaan	18
Rajah 16: MBPJ & Pihak Berkepentingan (Pemegang Taruh)	19
Senarai Jadual	
Jadual 1: Cadangan KPI Mengikut Teras, Pusat Tanggungjawab (PTJ), dan Tiga (3) Fasa Pelaksanaan	6

Perutusan Datuk Bandar MBPJ



Dokumen Pelan Strategik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2016-2026 ini dibangunkan khas menyusuli Perancangan Strategik MBPJ 2010-2015. Ia turut mengambil pedoman dari Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK - 11), Dokumen Sustainable PJ 2030 dan Local Agenda 21 (LA21) yang telah dirangka sebelum ini. Tiga peringkat perancangan iaitu strategik, taktikal dan operasional yang merentas 10 tahun direncana kemas dengan tumpuan kepada pelan keutamaan bagi tiga tahun pertama, iaitu di antara 2016-2018. Perancangan strategik 10 tahun ini amat penting kerana ia bakal membawa MBPJ melangkaui tahun 2020. Ia akan menjadi wasilah untuk MBPJ menerajui Petaling Jaya di landasan yang betul, selain melestari organisasi menuju aspirasi mampan 2030 dan agenda transformasi abad 21-nya. Tadbir urus institusi akan menjadi pemacu utama dalam menggerakkan agenda transformasi 10 tahun ini.

Di sebalik percapaian cemerlang selama ini, MBPJ tidak pernah sunyi dengan pelbagai karenah dalam melunaskan amanahnya sebagai penguasa tempatan. Isu utama yang telah dikenalpasti bukanlah bersifat fizikal, tetapi sebenarnya menguruskan persepsi pihak berkepentingan. Di sinilah peri pentingnya elemen intelektual yang mencakupi tiga aspek berikut: pertama, modal insan (*human capital*), kedua, modal struktural (*structural capital*) dan ketiga, modal pengguna/klien (*consumer capital*) sebagai angkuabah terpenting yang perlu dimobilisasi sepenuhnya. Seterusnya dengan mengadunkannya bersama-sama dengan faktor proses, manusia (modal insan), organisasi dan teknologi (PMOT), Pelan ini diharap bakal memberi impak positif kepada imej dan reputasi organisasi di mata luar. Demi memenuhi jangkaan pihak berkepentingan, MBPJ perlu menggarap pendekatan pengurusan yang luwes, dinamik, profesional, bijaksana dan responsif terhadap sebarang tuntutan perubahan sekeliling yang berlaku. Seterusnya, keberdayaan modal insan berteraskan amalan terbaik (*best practices*) organisasi berpengetahuan (*learning organization*) akan memperkasa nilai dan budaya organisasi dalam menggalas misi mencapai aspirasi masa depannya.

Pelan Strategik ini mengungkap pelbagai dimensi penting mengambilkira kesemua peranan Jabatan, Bahagian dan Unit dalam menangani cabaran perubahan. Malahan, peranan setiap individu tidak dipandang ringan dalam merealisasikan setiap sasaran strategik yang telah digariskan di dalam Pelan ini. Makanya, Dokumen ini tidak bersifat rigid, tetapi merupakan manuskrip strategik yang bersifat hidup (*living document*) dan bakal berevolusi serta cakna terhadap sebarang cabaran sekeliling yang sentiasa mendesak kepada tindakan. Dalam masa yang sama, Pelan Strategik ini dirangka dengan tumpuan kepada aspek kritikal mencakupi visi, misi, nilai organisasi, teras strategik, sasaran strategik, petunjuk prestasi utama (KPI), program dan projek keutamaan. Berpaksi kepada Teras Tadbir Urus, disusuli pula dengan Teras Masyarakat, Teras Alam Sekitar dan Teras Ekonomi, adalah diyakini MBPJ akan memposisikan organisasi setanding dengan penguasa metropolis bertaraf dunia. Seterusnya, menerusi Pelan Strategik ini secara kemas, tuntas dan bijaksana, Petaling Jaya akan terus dipacu untuk menjadi kota yang berdaya huni, dicintai dan lestari.

1. Pengenalan

Dokumen Strategik ini menjadi pedoman hala tuju yang jelas kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sebagai Penguasa Tempatan dalam merancang, membangun dan mentadbir kota Petaling Jaya dalam tempoh 10 tahun akan datang menjelang 2026. Ia menggariskan situasi semasa, halatuju dan landasan strategik menuju ke masa depan yang gemilang. Dokumen Strategik ini mengambil kira semua aspek penting dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti selaras dengan kehendak masyarakat Petaling Jaya dan seterusnya mencapai wawasan menjadikan Petaling Jaya sebagai Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari. Konsep dan wawasan ini disepadukan dengan misi MBPJ serta diterjemahkan pula menerusi ungkapan-ungkapan, jadual, carta, gambar dan ilustrasi yang mudah agar mudah difahami oleh setiap pihak berkepentingan (stakeholders) MBPJ.

NOTA PENAFIAN KEPADA PEMBACA


Dokumen ini bakal menarik perhatian dan minat yang berbeza dalam kalangan pembacanya samada staf MBPJ sendiri, rakan kongsi, pelabur atau masyarakat awam samada yang tinggal di dalam mahupun di luar Petaling Jaya. Maklumat yang terpapar di dalam dokumen ini akan tertakluk kepada perubahan semasa dan hanya untuk pemakluman umum semata-mata. Sayugia diperingatkan bahawa dokumen ini tidak sewajarnya menjadi pemutus mutlak bagi keputusan-keputusan berisiko khususnya yang melibatkan perkiraan untung atau rugi. Justeru, MBPJ tidak akan mengambil tanggungjawab terhadap sebarang implikasi yang timbul kesan dari penggunaan apa jua maklumat bersumberkan Dokumen ini.

Perancangan Strategi Korporat 10 Tahun


Diistilahkan juga sebagai 'Pihak berkuasa tempatan' seperti yang dimaksudkan di dalam Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) mentakrifkan PBT sebagai "Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah manakala bagi Wilayah Persekutuan, PBT ditakrifkan sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960".

Bagi merealisasikan Perancangan Strategi Korporat 10 Tahun ini, pengurusan telah melancarkan beberapa dasar perancangan utama seperti Perancangan Strategik 2010-2015, Local Agenda 21, Sustainable PJ 2030, dan Pelan Pembangunan Jangka Panjang Bandaraya. Ini turut selari dengan Pelan Pembangunan Kementerian Kesejahteraan Bandar yang menggariskan beberapa dasar utama dalam memperkasakan rancangan strategi korporat. Selanjutnya, bagi merealisasikan Strategi Jangka Panjang, 2016-2026, terdapat empat teras strategik yang digariskan dengan mengambil kira keperluan dan kesesuaian peranan MBPJ selaras dengan perkembangan semasa, empat (4) Halatuju Strategik berikut telah digariskan:

Berdasarkan kepada beberapa inisiatif strategik bagi tiga tahun pertama (2016-2018), MBPJ akan menggembeng sumber-sumber untuk mencapai matlamat dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah digariskan.



Rajah 1 : Empat Teras strategik MBPJ, 2016-2026



Rajah 2 : Ilustrasi & Pemetaan Model Perancangan Strategik MBPJ

2. Matlamat Dan Strategi

MBPJ berazam untuk menjadikan Petaling Jaya sebuah metropolis yang berdaya huni dan dicintai warganya (*liveable and loveable city*). Kepsatan pembangunan fizikal yang disulami dengan keseimbangan pembangunan kemanusiaan akan terus menjadi keutamaan. Bagi merealisasikan hasrat ini, MBPJ telah menetapkan empat teras strategik seperti dinyatakan merangkumi tadbir urus, masyarakat, alam sekitar, dan ekonomi.

Visi

Petaling Jaya Bandaraya Peneraju,
Dinamik dan Lestari

Misi

Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti
demi kesejahteraan Petaling Jaya



1. MBPJ berimpian untuk menjadi setanding dengan penguasa tempatan bertaraf dunia. Selaras dengan wawasan ini, segenap sumber dan kekuatan MBPJ akan dimobilisasikan secara bersepadu menerusi inisiatif-inisiatif strategik terancang.

2. Bertepatan dengan statusnya yang bersifat premier dalam kalangan penguasa-penguasa tempatan di Malaysia, pembangunan Petaling Jaya akan diseimbangkan dengan pembangunan kemanusiaan.

3. MBPJ akan memainkan peranan utama membentuk imej metropolis yang kondusif serta lestari seiring dengan agenda pemerkasaan organisasi secara berterusan.


4. Dalam masa yang sama, MBPJ menyedari hakikat cabaran dan simpang perenang isu sosio-ekonomi, politik dan budaya yang senantiasa memberikan cabaran.

5. Memandang ke hadapan, MBPJ menjangkakan lanskap tadbir urus metropolis akan terus dicorak serta dipengaruhi oleh pelbagai isu setempat, wilayah mahupun global. Justeru, tanpa menafikan sesetengah isu akan berada di luar kawalan MBPJ, perancangan strategik MBPJ akan menjurus kepada empat komponen strategik iaitu tadbir urus, masyarakat, alam sekitar, dan ekonomi.

3. Teras Utama, Objektif Strategik & Fasa Pelaksanaan

4 Teras Utama & Objektif Strategik


Penumpuan kepada pemantapan elemen intelektual meliputi aspek modal insan, struktural, klien dan relational organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang telus, imej korporat yang lebih kukuh, berakauntabiliti dan mesra rakyat dengan keberkesanan perundangan serta penguatkuasaan polisi termasuk pengurusan persepsi dan risiko.



Penumpuan kepada pembentukan persekitaran yang kondusif ke arah kehidupan serba berkualiti kepada warga Petaling Jaya. Perluasan kualiti kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek fizikal, sosial dan psikologikal bagi mempertingkatkan pembangunan insaniah, keilmuan, kecergasan mental dan fizikal serta memartabatkan seni dan budaya

Objektif Strategik

Penumpuan kepada metropolis yang mengutamakan pengurangan karbon dan pemuliharaan bio-diversiti, tenaga dan sumber, jaringan kota dan perancangan tebus guna tanah ke arah kelestarian alam sekitar.



Fasa I (2016-2018):
Perletakan Asas - menggariskan pelaksanaan inisiatif berimpak besar yang memberi kesan kepada aspek sistem penyampaian perkhidmatan;

Fasa II (2019-2022):
Penguikuan - mendalami dan memperluaskan inisiatif strategik berimpak yang telah dilaksanakan di Fasa pertama; dan,

Fasa III (2023-2026):
Pemeriksaan - melonjakkan dan mengoptimalkan segenap daya usaha dan sumber ke peringkat yang lebih cemerlang menepati piawaian antarabangsa.

4. Teras & KPI MBPJ 2016-2026



1. % kepuasan awam terhadap mutu penyampaian perkhidmatan PJ sebagai PBT
2. Tahap kepuasan warga MBPJ berdasarkan audit nilai JPA
3. Bil dialog MBPJ bersama Persatuan Penduduk dan/atau NGO / berdaftar
4. Kedudukan MBPJ dalam kalangan PBT Nasional (*Star Rating System*)

Teras 1: Tadbir Urus

1. Bil program berskala besar (melebihi 500 orang) melibatkan komuniti
2. Program bersama Sister City
3. % warga yang mempunyai semangat cintakan PJ
4. % peningkatan akses ke laman sesawang MBPJ.
5. % peningkatan tempatan yang dibuat menerusi kunjungan ke pusat komuniti
6. % peningkatan individu berdaftar sebagai sukarelawan
7. Jumlah kolaborasi dengan agensi penguatkuasaan

Teras 2: Masyarakat

Teras 3: Alam Sekitar

1. % pengurangan karbon (elektrik, air dan penggunaan bahan api) dalam setahun
2. % kawasan yang ditebusguna untuk tujuan awam
3. % keseluruhan sampah dikitar semula dari zon pelupusan
4. % pencapaian Indeks Livable City oleh warga PJ

Teras 4: Ekonomi

1. % Nilai pelaburan berdasarkan projek pembangunan yang diluluskan
2. Indeks persepsi keyakinan pelabur/industri terhadap prospek pertumbuhan ekonomi di PJ
3. % peserta yang mendapat manfaat selepas menyertai program latihan.
4. Indeks persepsi warga PJ mengenai impak ekonomi terhadap kehidupan
5. Program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan (setahun)

Rajah 3 : Teras & KPI MBPJ 2016-2026

5. Cadangan Petunjuk Prestasi Utama(KPI), MBPJ 2016-2026

NO	KPI	SUMBER DATA (PUSAT TANGGUNGJAWAB)	SASARAN												
			Baseline	Fasa 1: Peletakan Asas					Fasa 2: Pemantapan				Fasa 3: Kegemilangan		
			2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	2026	
TADBIR URUS															
1	% kepuasan awam terhadap mutu penyampaian perkhidmatan PJ sebagai PBT	Jab Khidmat Pengurusan	85	85	85	85	85	90	90	90	90	95	95	95	
2	Tahap kepuasan warga MBPJ berdasarkan audit nilai JPA	Jab Penguatkuasaan	85	85	85	85	85	90	90	90	90	95	95	95	
3	Bil dialog MBPJ bersama Persatuan Penduduk dan/atau NGO / berdaftar	Unit Komunikasi Korporat	5	6	6	6	6	7	7	7	7	8	8	8	
4	Kedudukan MBPJ dalam kalangan PBT Nasional (Star Rating)	Unit Komunikasi Korporat	4	4	4	4	4	5	5	5	5	5	5	5	
MASYARAKAT															
1	Bil program berskala besar (melebihi 500 orang) melibatkan komuniti	Jab Pembangunan Kemasyarakatan	2	2	2	2	2	3	3	3	3	4	4	4	
2	Program bersama <i>Sister City</i>	Jab Perancangan Pembangunan	1	1	1	1	1	2	2	2	2	3	3	3	
3	% warga yang mempunyai semangat cintakan PJ	Jab Pembangunan Kemasyarakatan	85	85	85	85	85	90	90	90	90	95	95	95	
4	% peningkatan akses ke laman sesawang MBPJ.	Unit Teknologi Maklumat	2	2	2	2	3	3	3	4	4	5	5	5	
5	% peningkatan kunjungan ke pusat komuniti	Jab Kemasyarakatan / Jab Landskap	2	2	2	2	3	3	3	4	4	5	5	5	
6	% peningkatan individu berdaftar sebagai sukarelawan	Jab Pembangunan Kemasyarakatan	2	2	2	2	3	3	3	4	4	5	5	5	
7	Jumlah kolaborasi dengan agensi penguatkuasaan	Jab Penguatkuasaan	7	8	8	8	8	9	9	9	9	10	10	10	

5. Cadangan Petunjuk Prestasi Utama(KPI), MBPJ 2016-2026

NO	KPI	SUMBER DATA (PUSAT TANGGUNGJAWAB)	SASARAN												
			Baseline	Fasa 1: Peletakan Asas					Fasa 2: Pemantapan				Fasa 3: Kegemilangan		
			2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025	2026	
TADBIR URUS															
ALAM SEKITAR															
1	% pengurangan karbon (elektrik, air dan penggunaan bahan api) dalam setahun	Jabatan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	2	2	2	2	3	3	3	4	4	5	5	5	
2	% kawasan yang ditebusguna untuk tujuan awam	Jabatan Landskap & Kehijauan Bandar	1	1	1	1	2	2	2	3	3	3	3	3	
3	% keseluruhan sampah dikitar semula dari zon pelupusan	Jab Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	30	30	30	30	30	35	35	35	40	40	40	40	
4	% pencapaian Indeks Livable City oleh warga PJ	Jab Perancangan Pembangunan	85	85	85	85	85	90	90	90	90	95	95	95	
EKONOMI															
1	% peningkatan nilai pelaburan berdasarkan projek pembangunan yang diluluskan	Jab Perbendaharaan	3	5	5	5	5	10	10	10	10	15	15	15	
2	Indeks persepsi keyakinan pelabur/industri terhadap prospek pertumbuhan ekonomi di PJ	Jab Perbendaharaan	4	4	4	4	4	5	5	5	5	5	5	5	
3	% peserta yang mendapat manfaat selepas menyertai program latihan.	Jab Pembangunan Kemasyarakatan	75	80	80	80	80	85	85	85	85	90	90	90	
4	Indeks persepsi warga PJ mengenai impak ekonomi terhadap kehidupan	Jab Perbendaharaan	5	6	6	6	6	7	7	7	7	8	8	8	
5	Program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan setahun	Jab Pembangunan Kemasyarakatan	36	40	40	40	40	43	43	43	43	45	45	45	

Jadual 1: KPI Mengikut Teras, Pusat Tanggungjawab (PTJ), dan Tiga (3) Fasa Pelaksanaan

6. Kerangka Strategik Keseluruhan, MBPJ 2016-2026

Visi

Petaling Jaya Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari

Misi

Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti demi kesejahteraan Petaling Jaya

NILAI DAN ASAS PERANCANGAN

NILAI	MOTTO	ORIENTASI BUDAYA 2016-2026
<ol style="list-style-type: none"> 1. Integriti 2. Profesionalisme 3. Utamakan Pelanggan 4. Kerja Berpasukan 5. Setia 	<p>Mesra, Cepat dan Tepat - Kualiti Keutamaan Kami</p>	<p>Beretika, profesional dan kerja berpasukan</p>

MATLAMAT STRATEGIK JANGKA PANJANG, 2026

Menjadi Bandar Raya Terulung Dalam Penyediaan Perkhidmatan dan Prasarana Yang Berkualiti Untuk Pelanggan

EMPAT (4) TERAS STRATEGIK

TADBIR URUS	MASYARAKAT	ALAM SEKITAR	EKONOMI
<p>Penumpuan kepada pemantapan elemen intelektual meliputi aspek modal insan, struktural, klien dan relational organisasi ke arah penyampaian perkhidmatan yang telus, imej korporat yang lebih kukuh, berakauntabiliti dan mesra rakyat dengan keberkesanan perundangan serta penguatkuasaan polisi termasuk pengurusan persepsi dan risiko.</p>	<p>Penumpuan kepada pembentukan persekitaran yang kondusif ke arah kehidupan serba berkualiti kepada warga Petaling Jaya. Perluasan kualiti kehidupan masyarakat dari pelbagai aspek fizikal, sosial dan psikologikal bagi mempertingkatkan pembangunan insaniah, keilmuan, kecergasan mental dan fizikal serta memartabatkan budaya.</p>	<p>Penumpuan kepada metropolis yang mengutamakan pengurangan karbon dan pemuliharaan bio-diversiti, tenaga dan sumber, jaringan kota dan perancangan tebus guna tanah ke arah kelestarian alam sekitar.</p>	<p>Penumpuan kepada penguatan kewangan MBPJ dan menjana sosio-ekonomi masyarakat Petaling Jaya berasaskan nilai-nilai keterangkuman, keadilan sosial dan kesaksamaan.</p>

PROGRAM KEUTAMAAN JANGKA PENDEK (2016-2018)

**Sasaran No. 1:
MBPJ Menawarkan Perkhidmatan Cemerlang**

- 1A. Strategi Pemerkasaan ICT
- 1B. Projek Transformasi Sistem Perkhidmatan

**Sasaran No. 2:
MBPJ Memantapkan Imej Korporat**

- 2A. Pelan Pengurusan Risiko
- 2B. Inisiatif Pengurusan Persepsi

**Sasaran No. 3:
MBPJ Memperkukuh Advokasi Awam**

- 3A. Strategi Korporat Komunikasi dan Tambatan Hati

**Sasaran No. 4:
MBPJ Memperkasa Nilai Organisasi dan Modal Insan**

- 4A. Pelan Tindakan Kesihatan, Kesejahteraan dan Kejelekitan (3K)
- 4B. Strategi Latihan dan Pembangunan Staf
- 4C. Inisiatif Pelan Pengurusan Prestasi

**Sasaran No. 5:
MBPJ Memaksimumkan Jaringan Pintar Berasas Situasi Menang-Menang**

- 5A. Inisiatif Bestari MBPJ-Pihak Pemegang Taruh (Stakeholders)
- 5B. Inisiatif Kolaborasi Strategik Global

**Sasaran No. 6:
MBPJ Memacu Petaling Jaya yang Makmur, Berdayahuni dan Berterangkum**

- 6A. Pelan Menyeluruh Pengangkutan Awam
- 6B. Pelan Pembangunan Infrastruktur Berimpak

**Sasaran No. 7:
MBPJ Membangun Masyarakat yang Progresif, Berbudaya, Sihat dan Sejahtera.**

- 7A. Pelan Pembelaan Komuniti Minoriti
- 7B. Pelan Tindakan Keutamaan Kebajikan Masyarakat
- 7C. Inisiatif Sukan, Seni dan Kebudayaan

Sasaran No. 8: MBPJ Melestari Metropolis Selamat, Berprasarana Hebat, dan Berdayasaing

- 8A. Inisiatif Bersepadu Pelan Keselamatan Berorientasi Komuniti
- 8B. Pelan Tebus Guna Tanah dan Prasarana Sosial
- 8C. Inisiatif Pemerkasaan Masyarakat

Sasaran No. 9: MBPJ Menerajui Agenda Kehijauan Metropolis

- 9A. Strategi Korporat Perubahan Iklim (*Climate Change*)
- 9B. Strategi Korporat Pengurusan Agenda Hijau
- 9C. Pelan Menyeluruh "3R"

Sasaran No. 10: MBPJ Memperkukuh Kecekapan Pengurusan Kewangan

- 10A. Strategi Pengurusan Kejut Kewangan


**Sasaran No. 11:
MBPJ Memasyarakatkan Kemakmuran Ekonomi**

- 11A. Pelan Menyeluruh Ekonomi Berimbang
- 11B. Inisiatif Kebijakan Bisnes (Business Intelligence Initiatives)

**Sasaran No. 12:
MBPJ Merintis Potensi Untuk Percambahan Kekayaan**

- 12A. Inisiatif Pelaburan dan Penjanaaan Kekayaan

7. Pemetaan Pelan Strategik & KPI 2016-2026, MBPJ



Matlamat & Strategi Korporat (10 tahun)	Deskripsi Sasaran Jangka Panjang (10 tahun)	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
TERAS TADBIR URUS		
Justifikasi		
<p>MBPJ berhadapan dengan isu menguruskan persepsi pihak berkepentingan. Keperluan pengurusan amalan terbaik sistem dan penyampaian perkhidmatan meliputi pengurusan modal insan dan elemen intelektual dilihat amat kritikal ke arah memantapkan imej dan reputasi organisasi, selain pengurusan risiko dan persepsi secara lebih cekap dan berkesan.</p>		
Sasaran No. 1: MBPJ Menawarkan Perkhidmatan Cemerlang	MBPJ berusaha menyepadukan proses perkhidmatan merentas Jabatan dalaman dengan hasrat meningkatkan kegirangan pelanggan menerusi pemeraksanaan keupayaan teknologi secara berterusan.	
Sasaran No. 2: MBPJ Memantapkan Imej Korporat	MBPJ melestari imej korporat menerusi inisiatif pengurusan persepsi dan risiko secara lebih cekap dan berkesan	
Sasaran No. 3: MBPJ Memperkukuh Advokasi Awam	MBPJ membangun dan memantap sistem pengurusan maklumat dalaman, meliputi polisi, amalan dan perancangan penyampaian maklumat dengan penekanan terhadap inisiatif pengurusan data, ilmu dan penghebahan maklumat korporat secara lebih kemas agar terlahir masyarakat bukan sahaja bermaklumat tetapi terdidik dan rasional.	<ol style="list-style-type: none"> 1. % kepuasan awam terhadap mutu penyampaian perkhidmatan PJ sebagai PBT 2. Tahap kepuasan warga MBPJ berdasarkan audit nilai JPA 3. Bil dialog MBPJ bersama Persatuan Penduduk dan/atau NGO / berdaftar 4. Kedudukan MBPJ dalam kalangan PBT Nasional (<i>Star Rating</i>)
Sasaran No. 4: MBPJ Memperkasa Nilai Organisasi dan Modal Insan	MBPJ membolehkan organisasi sebagai suatu lokasi kerja yang berorientasi nilai etika dan profesionalisme yang luhur berasas kepada kerja sama berpasukan, toleransi dan berprestasi tinggi menerusi inisiatif latihan dan peningkatan berterusan.	
Sasaran No. 5: MBPJ Memaksimumkan Jaringan Pintar Berasas Situasi Menang-Menang.	MBPJ menuas keutuhan kolaborasi pintar dalam kalangan pihak berkepentingan selain bersifat cakna terhadap peluang memaksimum keuntungan kesemua pihak terlibat.	

7. Pemetaan Pelan Strategik & KPI 2016-2026, MBPJ

Matlamat & Strategi Korporat (10 tahun)	Deskripsi Sasaran Jangka Panjang (10 tahun)	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
TERAS MASYARAKAT		
Justifikasi		
Metropolis yang hebat, dinamik dan berdayahuni adalah suatu komitmen berterusan sebagaimana dinyatakan di dalam visi strategik MBPJ.		
<p>Sasaran No. 6: MPJ Memacu Petaling Jaya yang Makmur, Berdayahuni dan Berterangkum.</p>	<p>MBPJ berusaha ke arah menjadikan Petaling Jaya sebuah metropolis yang mampan, selesa didiami, berterangkum dengan menyubur kecintaan warga terhadap kota menerusi perancangan bersepadu yang memastikan aspek tebusguna tanah, pengangkutan awam, tenaga, ruang sosial, prasarana rakyat dan pengagihan sumber terjalin kemas demi manfaat segenap lapisan masyarakat.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bil program berskala besar (melebihi 500 orang) melibatkan komuniti 2. Program bersama Sister City 3. % warga yang mempunyai semangat cintakan PJ 4. % peningkatan akses ke laman sesawang MBPJ 5. % peningkatan kunjungan ke pusat komuniti
<p>Sasaran No. 7: MBPJ Membangun Masyarakat yang Progresif, Berbudaya, Sihat dan Sejahtera.</p>	<p>MBPJ memupuk kehidupan masyarakat yang saling berhubung, menghargai nilai dan identiti budaya dan menyelaras kehidupan yang kondusif menepati keperluan warga Petaling Jaya.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 6. % peningkatan individu berdaftar sebagai sukarelawan 7. Jumlah kolaborasi dengan agensi penguatkuasaan
<p>Sasaran No. 8: MBPJ Melestari Metropolis Selamat, Berprasrana Hebat, dan Berdaya Saing.</p>	<p>MBPJ menyediakan kehidupan kota yang selamat dan membahagiakan untuk warga PJ termasuk bukan pemastautin, mempunyai prasarana berkualiti, ruang sosial dan budaya, infrastruktur sukan dan rekreasi, projek fizikal berimpak, boleh harap, kerja-kerja infrastruktur awam, elektrik dan mekanikal yang selamat demi menzahirkan kehidupan masyarakat yang lestari.</p>	

7. Pemetaan Pelan Strategik & KPI 2016-2026, MBPJ

Matlamat & Strategi Korporat (10 tahun)	Deskripsi Sasaran Jangka Panjang (10 tahun)	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
TERAS ALAM SEKITAR		
Justifikasi		
Agenda hijau adalah bertepatan dengan usaha Negara dan komuniti antarabangsa ke arah meminimakan sebarang impak kesan perubahan iklim dan pemanasan global, di mana MBPJ tidak mungkin terkecuali.		
Sasaran No. 9: MBPJ Menerajui Agenda Kehijauan Metropolis	MBPJ membentuk polisi, amalan dan pengurusan aset korporat dengan penekanan terhadap agenda hijau dan pengurangan karbon, ketahanan sumber, penjimatan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dengan menjadikan kelestarian eko-sistem sebagai amalan hijau terbaik berterusan.	<ol style="list-style-type: none"> 1. % pengurangan karbon (elektrik, air dan penggunaan bahan api) dalam setahun 2. % kawasan yang ditebusguna untuk tujuan awam 3. % keseluruhan sampah dikitar semula dari zon pelupusan 4. % pencapaian Indeks Livable City oleh warga PJ
Sasaran No. 7: MBPJ Membangun Masyarakat yang Progresif, Berbudaya, Sihat dan Sejahtera.	MBPJ memupuk kehidupan masyarakat yang saling berhubung, menghargai nilai dan identiti budaya dan menyelaras kehidupan yang kondusif menepati keperluan warga Petaling Jaya.	
Sasaran No. 8: MBPJ Melestari Metropolis Selamat, Berprasarana Hebat, dan Berdaya Saing.	MBPJ menyediakan kehidupan kota yang selamat dan membahagiakan untuk warga PJ termasuk bukan pemastautin, mempunyai prasarana berkualiti, ruang sosial dan budaya, infrastruktur sukan dan rekreasi, projek fizikal berimpak, boleh harap, kerja-kerja infrastruktur awam, elektrik dan mekanikal yang selamat demi menzahirkan kehidupan masyarakat yang lestari.	

7. Pemetaan Pelan Strategik & KPI 2016-2026, MBPJ

Matlamat & Strategi Korporat (10 tahun)	Deskripsi Sasaran Jangka Panjang (10 tahun)	Petunjuk Prestasi Utama (KPI)
TERAS EKONOMI		
Justifikasi		
Kemakmuran ekonomi yang seimbang bukan sahaja mengurangkan jurang antara komuniti masyarakat malahan merupakan tanggungjawab sosial penting demi melestarikan keadilan sosial, selain usaha rintis autonomi kewangan dan penjanaaan kekayaan bagi MBPJ sendiri.		
Sasaran No. 10: MBPJ Memperkukuh Kecekapan Pengurusan Kewangan	MBPJ menerapkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan yang kejut berasaskan prinsip kebertanggungjawaban, keluwesan dan amalan tadbir urus kewangan terbaik.	<ol style="list-style-type: none"> 1. % Nilai pelaburan berdasarkan projek pembangunan yang diluluskan 2. Indeks persepsi keyakinan pelabur/industri terhadap prospek pertumbuhan ekonomi di PJ 3. % peserta yang mendapat manfaat selepas menyertai program latihan. 4. Indeks persepsi warga PJ mengenai impak ekonomi terhadap kehidupan 5. Program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan (setahun)
Sasaran No. 11: MBPJ Memasyarakat Kemakmuran Ekonomi	MBPJ menyemarak aktiviti perniagaan dan pelaburan yang bersifat dinamik, menarik dan mampan bagi memperluas akses kepada kekuatan serta kesejahteraan ekonomi agar manfaatnya dinikmati segenap warga Petaling Jaya.	
Sasaran No. 12: MBPJ Merintis Potensi Untuk Percambahan Kekayaan	MBPJ menerokai peluang penjanaaan pendapatan ke arah pembentukan organisasi berautonomi kewangan di masa depan.	

8. Strategi Komunikasi Korporat & Tambatan Hati



8.1 Teras Tadbir Urus



● MBPJ Menawarkan Perkhidmatan Cemerlang

● MBPJ Memantapkan Imej Korporat

● MBPJ Memperkukuh Advokasi Awam

● MBPJ Memperkasa Nilai Organisasi dan Modal Insan

● MBPJ Memaksimumkan Jaringan Pintar Berasa Situasi Menang-Menang

1A. Strategi Pemerkasaan ICT
1B. Projek Transformasi Sistem Perkhidmatan

2A. Pelan Pengurusan Risiko
2B. Inisiatif Pengurusan Persepsi

3A. Strategi Komunikasi Korporat dan Tambatan Hati

4A. Pelan Tindakan Kesihatan, Kesejahteraan dan Kejelekitan (3K)
4B. Strategi Latihan dan Pembangunan Staf
4C. Inisiatif Pelan Pengurusan Prestasi

5A. Inisiatif Bestari MBPJ- Pihak Pemegang Taruh (Stakeholders)
5B. Inisiatif Kolaborasi Strategik Global

8.2 Teras Masyarakat



● MBPJ Memacu PJ yang Makmur, Berdayahuni dan Berterangkum

● MBPJ Membangun Masyarakat yang Progresif, Berbudaya dan Sihat Sejahtera

● MBPJ Melestarikan Metropolis Selamat, Berprasarana Hebat, dan Berdaya Saing

6A. Pelan Menyeluruh Pengangkutan Awam
6B. Pelan Pembangunan Infrastruktur Berimpak

7A. Pelan Pembelaan Komuniti Minoriti
7B. Pelan Tindakan Keutamaan Kebajikan Masyarakat
7C. Inisiatif Sukan, Seni dan Kebudayaan

8A. Inisiatif Bersepadu Pelan Keselamatan Berorientasi Komuniti
8B. Pelan Tebus Guna Tanah dan Prasarana Sosial
8C. Inisiatif Pemerkasaan Masyarakat

8. Strategi Komunikasi Korporat & Tambatan Hati

8.3 Teras Alam Sekitar



● **MBPJ Menerajui
Agenda Kehijauan Metropolis**

- 9A. Pelan Tindakan Kesihatan, Kesejahteraan dan Kejelekitan (3K)
- 9B. Strategi Latihan dan Pembangunan Staf
- 9C. Inisiatif Pelan Pengurusan Prestasi

8.4 Teras Ekonomi



● **MBPJ Memperkukuh Kecekapan
Pengurusan Kewangan**

● **MBPJ Memasyarakat
Kemakmuran Ekonomi**

● **MBPJ Merintis Potensi Untuk
Percambahan Kekayaan**

- 6A. Pelan Menyeluruh Pengangkutan Awam
- 6B. Pelan Pembangunan Infrastruktur Berimpak

- 7A. Pelan Pembelaan Komuniti Minoriti
- 7B. Pelan Tindakan Keutamaan Kebajikan Masyarakat
- 7C. Inisiatif Sukan, Seni dan Kebudayaan

- 8A. Inisiatif Bersepadu Pelan Keselamatan Berorientasi Komuniti
- 8B. Pelan Tebus Guna Tanah dan Prasarana Sosial
- 8C. Inisiatif Pemerkaasan Masyarakat

9. Profil Program Keutamaan, Pemilik Proses, & Jangkaan Hasil

9.1 Teras Tadbir Urus



MBPJ berusaha menyepadukan proses perkhidmatan merentas Jabatan dalam dengan hasrat meningkatkan kegirangan pelanggan menerusi pemerkasaan keupayaan teknologi secara berterusan.

Pemilik Proses

- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Pelesenan
- Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- Jabatan Perbendaharaan
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Teknologi Maklumat
- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Unit Audit Dalam

Impak Dijangka

- Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Dipertingkatkan
- Kepuasan Pelanggan

Rajah 4: Transformasi ICT & Sistem Penyampaian Perkhidmatan



MBPJ melestarikan imej korporat menerusi inisiatif pengurusan persepsi dan risiko secara lebih cekap dan berkesan.

Pemilik Proses

- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Kesihatan & Persekitaran
- Unit Komunikasi Korporat
- Unit Audit Dalam
- Bahagian Sumber Manusia

Impak Dijangka

- Kualiti Perkhidmatan Dipertingkatkan
- Pemerkasaan Masyarakat

Rajah 5: Pengurusan Risiko & Persepsi



MBPJ membangun dan memantapkan sistem pengurusan maklumat dalaman, meliputi polisi, amalan dan perancangan penyampaian maklumat dengan penekanan terhadap inisiatif pengurusan data, ilmu dan penghebahkan maklumat korporat secara lebih kemas agar terlahir masyarakat bukan sahaja bermaklumat tetapi terdidik dan rasional.

Pemilik Proses

- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Jabatan Perancangan dan Pembangunan
- Unit Teknologi Maklumat

Impak Dijangka

- Kualiti Perkhidmatan Dipertingkatkan
- Peningkatan Imej dan Reputasi
- Korporat MBPJ

Rajah 6: Advokasi Awam & Tambatan Hati



MBPJ membolehkan organisasi sebagai suatu lokasi kerja yang berorientasi nilai etika dan profesionalisme yang luhur berasaskan kepada kerja sama berpasukan, toleransi dan berprestasi tinggi menerusi inisiatif latihan dan peningkatan berterusan.

Pemilik Proses

- Jabatan Komunikasi Korporat
- Jabatan Khidmat Pengurusan
- Bahagian Sumber Manusia

Impak Dijangka

- Nilai Semangat Berpasukan
- Kepuasan Warga Staf & Nilai Kerja Berprestasi Tinggi

Rajah 7: "3K", Latihan dan Pembangunan & Prestasi Warga Staf

9. Profil program Keutamaan, Pemilik Proses, & Jangkaan Hasil



MBPJ menuas keutuhan kolaborasi pintar dalam kalangan pihak berkepentingan selain bersifat cakna terhadap peluang memaksimum keuntungan kesemua pihak terlibat.

Pemilik Proses

- Jabatan Pelesenan
- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Perancangan & Pembangunan
- Jabatan Kawalan Bangunan
- Jabatan Kejuruteraan
- Unit Pusat Setempat

Impak Dijangka

- Kolaborasi Pintar
- Kepuasan Pelanggan

Rajah 8: Kolaborasi Strategik & Bestari Keselamatan Komuniti

9.2 Teras Masyarakat



MBPJ berusaha ke arah menjadikan Petaling Jaya sebuah metropolis yang mampan, selesa didiami, berterangkum dengan menyubur kecintaan warga terhadap kota menerusi perancangan bersepadu yang memastikan aspek tebusguna tanah, pengangkutan awam, tenaga, ruang sosial, prasarana rakyat dan pengagihan sumber terjalın kemas demi manfaat segenap lapisan masyarakat.

Pemilik Proses

- Jabatan Pelesenan
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Perancangan & Pembangunan
- Jabatan Landskap & Kehijauan Bandar

Impak Dijangka

- Kualiti Hidup Metropolis Dipertingkatkan
- Kepuasan Pelanggan

Rajah 9: Pengangkutan Awam & Infrastruktur Berimpak



MBPJ memupuk kehidupan masyarakat yang saling berhubungan, menghargai nilai dan identiti budaya dan menyelaras kehidupan yang kondusif menepati keperluan warga Petaling Jaya.

Pemilik Proses

- Jabatan Perancangan & Pembangunan
- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan

Impak Dijangka

- Identiti Metropolis Dipertingkatkan
- Kepuasan Warga PJ

Rajah 10: Pembelaan Komuniti, Kebajikan Masyarakat & Sukan, Seni dan Budaya

9. Profil program Keutamaan, Pemilik Proses, & Jangkaan Hasil



MBPJ menyediakan kehidupan kota yang selamat dan membahagiakan untuk warga PJ termasuk bukan pemastautin, mempunyai prasarana berkualiti, ruang sosial dan budaya, infrastruktur sukan dan rekreasi, projek fizikal berimpak, boleh harap, kerja-kerja infrastruktur awam, elektrik dan mekanikal yang selamat demi menzahirkan kehidupan masyarakat yang lestari.

Pemilik Proses

- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Kawalan Bangunan
- Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan
- Jabatan Perancangan & Pembangunan
- Jabatan Penguatkuasaan
- Jabatan Khidmat Pengurusan

Impak Dijangka

- Kualiti Masyarakat Berbudaya, Sihat dan Sejahtera
- Kepuasan Corak Hidup Metropolis

Rajah 11: Keselamatan, Prasarana & Pemerkasaan Masyarakat

9.3 Teras Alam Sekitar



MBPJ membentuk polisi, amalan dan pengurusan aset korporat dengan penekanan terhadap agenda hijau dan pengurangan karbon, ketahanan sumber, penjimatan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dengan menjadikan kelestarian eko-sistem sebagai amalan hijau terbaik berterusan.

Pemilik Proses

- Jabatan Perancangan & Pembangunan
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
- Jabatan Landskap & Kehijauan Bandar
- Jabatan Kesihatan

Impak Dijangka

- Kelestarian Ekosistem
- Alam Sekitar yang Kondusif untuk Difahami

Rajah 12: Perubahan Iklim, Agenda Hijau & "3R"

9.4 Teras Ekonomi



MBPJ menerapkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan yang kejut berasaskan prinsip kebertanggungjawaban, keluwesan dan amalan tadbir urus kewangan terbaik.

Pemilik Proses

- Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- Jabatan Perbendaharaan
- Unit Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam

Impak Dijangka

- Kualiti Pengurusan Kewangan Dipertingkatkan
- Kepuasan Pelanggan

Rajah 13: Pengurusan Kejut Kewangan

9. Profil program Keutamaan, Pemilik Proses, & Jangkaan Hasil



MBPJ menyemarak aktiviti perniagaan dan pelaburan yang bersifat dinamik, menarik dan mampan bagi memperluas akses kepada kekuatan serta kesejahteraan ekonomi agar manfaatnya dinikmati segenap warga Petaling Jaya.


Pemilik Proses

- Jabatan Pelesenan
- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan

Impak Dijangka

- Jurang Ekonomi Ditangani
- Keadilan Sosial Dipertingkatkan

Rajah 14: Ekonomi Berimbang & Kebijakan Model Bisnes



MBPJ menerokai peluang penjanaaan pendapatan ke arah pembentukan organisasi berautonomi kewangan di masa depan.

Pemilik Proses

- Jabatan Perbendaharaan
- Jabatan Pelesenan
- Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
- Unit Audit Dalam

Impak Dijangka

- Penjanaaan Kekayaan diterokai
- Autonomi Kewangan Berperingkat

Rajah 15: Pelaburan & Penjanaaan Kekayaan

10. Memandang ke Hadapan

Dokumen Strategik MBPJ 2016-2026 ini merumuskan peranan serta sumbangan MBPJ dalam mendokong wawasan “Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan” yang terangkum di dalam perancangan dan pelaksanaan strateginya. Dalam hal ini, perancangan yang teliti perlu dibuat demi memastikan wawasan yang ada terjemahan di dalam pelan tindakan yang kemas serta praktikal. Ini seterusnya mendorong kepada kesatuan dalam keputusan serta tindakan tuntas dan praktikal serta menumpukan kepada keutamaan semasa. MBPJ turut menyedari akan keperluan untuk mengambil tanggungjawab di atas setiap implikasi dari sebarang keputusan yang dibuat. Justeru, bagi setiap cadangan point yang disenaraikan di bawah ini, di bawah digariskan apa yang telah, sedang dan akan dilaksanakan dalam tempoh pelaksanaan 2016-2026, mengikut cadangan parameter berikut:

1. Prestasi dan Audit Kewangan;
2. Infrastruktur - Fizikal, Manusia
3. Program pengiktirafan dan penghargaan;
4. Imej Korporat;
5. Kepuasan Pelanggan;
6. Pengurusan Strategik;
7. Projek bernilai tambah;
8. Inovasi dan kreativiti;
9. Persekutian kerja kondusif

11. MBPJ & Pihak Pemegang Taruh (Stakeholder)

MBPJ sentiasa terlibat di dalam inisiatif global yang diterajui oleh Commonwealth Association for Public Administration (CAPAM). Menerusi projek “A Barrier Free Petaling Jaya: Lifting the Urban Disability Stigma” di bawah kategori Innovations in Citizen Engagement and Dialogue pada tahun 2012, MBPJ telah berjaya menempah tiket peringkat akhir anugerah inovasi. Selain itu, melalui pelaksanaan program Sister City atau bandaraya berkembar yang melibatkan kerjasama dua hala dengan bandaraya terkemuka dunia seperti Bandaraya Ghuagzhou, China, Kota Bandung, Indonesia dan Bandaraya Saitama, Tokyo, Jepun turut dibuat. Pada tahun 2014, MBPJ menjadi penganjur bersama program International Council of Organisation of Folklore Festival ad Folks Art Mini Festival (PJ-CIOFF).

Kesemua inisiatif antarabangsa bersama dengan rakan global MBPJ adalah bermatlamat untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran serta menjadi inisiatif penandaarasan amalan terbaik (benchmarking of best practices) ke arah penambahbaikan berterusan.



12. Penutup



Penyediaan dokumen **PELAN STRATEGIK (2016-2026)** ini pastinya memerlukan tindakan susulan agar warga MBPJ dapat secara konsisten menjiwai hasrat serta hala tuju strategik MBPJ, khususnya dari sudut pencapaian outcome serta impak yang diharapkan. Permurnian dokumen ini dalam bentuk pelan tindakan yang bersesuaian akan terus menjadikan dokumen ini sebagai asas rujukan untuk perancangan masa depan.

APPENDIKS 1: STRUKTUR TADBIR URUS MBPJ

APPENDIKS 2: PENCAPAIAN PERANCANGAN STRATEGIK, 2010-2015

1. Keutamaan Perancangan Strategik, 2010-2015;
2. Pencapaian Utama Sejak Jan 2010
3. Penekanan penting Fasa 2014-2015

APPENDIKS 3: SOROTAN INISIATIF STRATEGIK

Sustainable PJ 2030 - Inisiatif, Objektif dan Pencapaian Utama sehingga Jun 2014;
Local Agenda 21 - Inisiatif, Objektif dan Pencapaian Utama sehingga Jun 2014;
Mana-Mana yang bersesuaian - Inisiatif, Objektif dan Pencapaian Utama sehingga Jun 2014.

APPENDIKS 4: LOCAL AGENDA 21 (LA21)

APPENDIKS 5: PELAN TINDAKAN 'LUAR BIASA': KEUTAMAAN & SASARAN

APPENDIKS 6: KERANGKA 'BANDARAYA LESTARI'

1. Sasaran Korporat 1: Masyarakat
2. Sasaran Korporat 2: Alam Sekitar
3. Sasaran Korporat 3: Ekonomi
4. Sasaran Korporat 4: Tadbir Urus

SENARAI RUJUKAN

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Economic Intelligence Unit www.eiu.com/hiome.asp#about

Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020: Prospek Ekonomi, Teras Strategik dan Penyediaan Projek Pembangunan,

<http://app.kwppkb.gov.my/greaterklkv/overview/>

<http://ptg.perak.gov.my/contents/isutanah/PBTTsiri16.pdf>

Jabatan Perangkaan Malaysia, 2014, 2005-2015, Akaun Negara, KDNK Negeri

Laporan Perangkaan Suku Tahun Pertama 2014, Jabatan Perumahan Negara,

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Laporan Tahunan MBPJ

National Property Information Centre (NAPIC)

Pelan Perancangan Strategik, MBPJ 2010-2015

Pelan Strategik Sustainable Petaling Jaya 2030

Perutusan Datuk Bandar Petaling Jaya

Rancangan Malaysia Ke Sebelas 2016-2020 – Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat

PENGHARGAAN

Datuk Bandar Petaling Jaya

Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)

Pengurusan Tertinggi MBPJ

Unit Perundingan, Institut Pengurusan Penyelidikan (RMI), Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Penghargaan khas juga ditujukan kepada kakitangan MBPJ yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam melaksanakan kajian ini.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Ibu Pejabat MBPJ

Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Jalan Yong Shook Lin
46675 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-79563544 Faks : 03-79581494

www.mbpj.gov.my